

Bab 1

Pengenalan

1.1 Latar Belakang Kajian

Dalam setiap sistem pendidikan, perubahan tidak lagi menjadi satu perkara luar biasa tetapi merupakan satu perkara yang biasa. Tindakan terus diambil untuk memperbaiki segala aspek pada setiap peringkat. Pembaharuan diadakan dari semasa ke semasa untuk mengatasi masalah-masalah dan perkembangan mengikuti zaman. Perkara ini harus dipandang sebagai satu tindakan semula jadi (Romberg & Price,1983).

Sistem pendidikan Malaysia telah mengalami beberapa perubahan mengikut perubahan dalam sistem politik, sosial dan ekonomi sama ada di dalam atau di luar negeri. Dalam abad ke 21, era globalisasi dan proses internasionalisasi telah memberi kesan yang mendalam kepada pelbagai aspek termasuk aspek pendidikan. Gelombang perubahan yang dimaksudkan ialah penggunaan ICT dalam pelbagai aspek sebagai akses awal kepada ilmu pengetahuan/maklumat yang terkini, dan bahasa pengantar utama dalam penggunaan ICT ialah bahasa Inggeris. Maka untuk menguasai ilmu pengetahuan /maklumat yang awal, penguasaan bahasa Inggeris menjadi syarat perlu . Menurut Awang Sulung (Utusan Malaysia,Mei,05,2002) kelemahan anak bangsa terhadap “bahasa dunia” itu amat ketara . Tambahan pula kelemahan ini juga punca utama pengangguran. Perkembangan ilmu dunia begitu pantas, ia menuntut kita menguasai “bahasa dunia”, jika tidak mahu ketinggalan. Manakala, ketua eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) Dato’ Dr Mustafa bin Mohamad berkata dalam masa dua tiga tahun

yang akan datang, selain daripada pengalaman kerja, kebolehan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan graduan akan menjadi syarat penting dalam pasaran kerjaya akan datang (Sin Chew Daily, Jun, 8,2003).

Kerajaan Malaysia yang turut terpengaruh dan menyedari hakikat ini, dan peka untuk menangani pengaruh ini, Satu perubahan yang besar telah dibuat bagi meningkatkan kualiti pendidikan di semua peringkat mulai sesi persekolahan 2003. Perubahan ini telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Dato' Seri Mahathir Bin Mohamad pada 10 Mei 2002 iaitu penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik mulai sesi persekolahan 2003. Pelaksanaan perubahan pendidikan tersebut perlu dan penting demi mempertingkatkan serta memperbaiki kualiti dan daya saing para pelajar kita di semua peringkat. Keputusan kerajaan untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (P& P) mata pelajaran Sains dan Matematik menggunakan bahasa Inggeris, sebenarnya membolehkan rakyat negara ini terutama golongan bumiputera menguasai bahasa Inggeris (Utusan Malaysia, Mei, 17, 2002).

Bagi menyediakan tenaga manusia yang berdaya saing dan berkualiti yang setanding dengan negara maju dalam arena antarabangsa, khasnya dalam bidang sains dan teknologi . Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan satu perubahan baru iaitu penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran Sains dan Matematik pada tahun satu di sekolah rendah , tingkatan satu dan tingkatan enam di sekolah menengah mulai 2003. Dua mata pelajaran itu dipilih kerana

difikirkan ia dapat mencetus dan melipatgandakan kadar peningkatan kualiti dalam bidang sains dan teknologi, setelah pelajar menguasai bahasa Inggeris. Keputusan dan tindakan ini merupakan satu strategi serempang dua mata oleh kerajaan.

Dalam setiap sistem pendidikan perubahan yang dimulakan itu perlu memberi kesan positif, tetapi ini bukan satu perkara yang mudah. Banyak penyelidikan yang dilakukan pada tahun 1960an dan 1970an menunjukkan kegagalan perubahan adalah satu amalan biasa (Fullan,1982).

Kejayaan sesuatu program pendidikan di sekolah sangat bergantung kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di dalam bilik darjah. Oleh itu, guru merupakan agen penting yang bertanggungjawab terhadap keberkesanan sesuatu program inovasi atau perubahan pendidikan.

Penerimaan guru terhadap sesuatu program pendidikan adalah syarat wajib untuk kejayaan (Subramanian, 1996). Menurut pendapat Soto (1977) sesuatu program pendidikan yang baru hanya boleh berjaya jika guru, ibubapa dan masyarakat menerimanya. Dalam melaksanakan sesuatu inovasi dalam amalan semasa, Fullan (1982) mengatakan :

“ Implementation of inovation consists of alternative from existing practices (potentially involving materials, teaching approaches and beliefs) In order to achieve certain desired student outcome” (hlm:248)

Dalam nada yang sama, Laporan Suruhanjaya Aziz (1968) telah menyatakan:

“ Adalah perlu mengadakan kursus dalam perkhidmatan sepanjang perkhidmatan untuk memastikan pengetahuan seseorang guru bertambah selari dengan perkembangan terbaru profession pendidikan. Latihan ini akan menolong guru mengetahui perubahan semasa, kaedah dan mempertingkatkan pengetahuan dan kebolehan.”

Maka, pelaksanaan sesuatu program perubahan atau inovasi pendidikan akan menjadi lebih rumit jika guru belum bersedia menghadapi perubahan tersebut atau menafsir perubahan itu secara berbeza-beza oleh para guru.

Sebagai agen perubahan yang penting dalam melaksanakan program pendidikan, para guru seharusnya didedahkan mengenai cara-cara/ strategi pengajaran yang boleh mencapai objektif dan matlamat inovasi yang diharapkan. Jika tidak, tidak mungkin mereka boleh melaksanakan tugas mereka dengan sempurna.

Memandangkan kejayaan sesuatu program pendidikan sangat bergantung kepada pelaksanaan para guru, maka, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengatur cara-cara untuk mengorientasikan para guru supaya mereka dapat menjalankan tugas pengajaran dengan baik dan seperti yang diharapkan.

Salah satu cara ialah melalui kursus dalam perkhidmatan pada penghujung tahun 2002 . Beberapa siri kursus dalam perkhidmatan P&P mata pelajaran Sains dalam bahasa

Inggeris telah dijalankan di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah dalam usaha memperkenalkan perubahan ini.

Oleh kerana P&P Sains dalam bahasa Inggeris dirancang dalam masa yang singkat, adalah wajar mengetahui samada kursus dalam perkhidmatan tersebut berguna kepada guru dan dapat membantu para guru menyampaikan mata pelajaran ini dengan baik dan berkesan, demi kebaikan pelajar, khasnya kesan perubahan dalam bahasa pengantar mata pelajaran Sains.

1.2 Pernyataan Masalah

Kejayaan sesuatu program perubahan dikatakan berjaya apabila kakitangan terlibat dapat menjalankan tugas mereka dengan baik dan berkesan. Untuk mewujudkan keadaan ini, maka kakitangan perlu dilatih. Sesuatu program latihan itu perlu dirancang dengan baik agar dapat menghasilkan apa yang diharapkan. Perancangan adalah satu aspek penting dalam mana-mana program latihan. Kerapkali, kursus dalam perkhidmatan dikritik kerana perancangan tidak lengkap (Crosby, 1977). Dalam perancangan program kursus dalam perkhidmatan, beberapa datang perlu diberi pertimbangan antaranya:

1. Objektif-objektif
2. Jenis-jenis aktiviti yang sesuai untuk mencapai objektif-objektif.
3. Ciri-ciri populasi yang dituju
4. Pihak penyampai
5. Insentif kepada peserta
6. Lokasi dan tempoh kursus

Selain itu, penilaian ke atas program kursus dalam perkhidmatan juga aspek yang penting untuk menentukan samada objektif-objektif program latihan itu tercapai atau sejauh mana ia tercapai. Walau bagaimanapun kerap kali penilaian ke atas program latihan tidak diberi penekanan oleh pihak penganjur (James,1973: Boyle,1973). Sebenarnya penilaian program latihan akan memberi maklumat tentang kelebihan dan kekurangan program kursus dalam perkhidmatan agar langkah-langkah meningkatkan kualiti dan keberkesanan kursus dalam perkhidmatan dapat diambil oleh pihak penganjur pada masa akan datang.

Sebenarnya , Kementerian Pendidikan Malaysia telah membelanjakan peruntukan yang besar dalam program kursus dalam perkhidmatan tersebut mungkin akan menjadi sia-sia jika ia tidak mendatangkan kebaikan samada kepada organisasi atau para peserta kursus tersebut. Dapatan kajian Balwin (1988) mendapati ramai peserta program latihan tidak dapat menggunakan kemahiran dan pengetahuan yang mereka terima dalam program latihan. Menurut Petersen (dalam Haris, 1992): "*excellence enter an organization through its people, their attitude, experience, training and objective combine to provide quality performance.*"

Setelah pelaksanaan P&P mata pelajaran Sains dalam bahasa Inggeris, terdapat banyak masalah dan kritikan mengenainya , antaranya guru mata pelajaran kurang fasih dalam bahasa Inggeris, Ini akan mengganggu proses P & P mata pelajaran berkenaan (misalnya,dari segi peristilahan , sebutan) Sehingga skrip perlu disediakan untuk para guru yang mengajar mata pelajaran tersebut. Ini sudah tentu akan menjadikan P&P mata

pelajaran Sains terlalu rigid dan tidak fleksibel mengikut keadaan dan latar belakang pelajar. Masalah ini boleh menyebabkan pelajar hilang minat untuk belajar, para guru hilang minat mengajar kerana kecewa.

Selain dari itu, terdapat juga rungutan para guru bahawa mereka kurang mahir menggunakan komputer dan perisian mata pelajaran Sains sebagai alat membantu kefahaman para pelajar. Masalah ini sering dihadapi oleh para guru, khasnya dari luar □ating, kerana sokongan adalah kurang dan mengambil masa yang agak lama untuk mendapat bantuan. Perkara ini akan menjejaskan proses P&P mata pelajaran Sains. Keadaan ini seterusnya akan melambatkan kadar pembangunan sumber manusia khasnya dalam bidang sains dan teknologi.

Keadaan sama di atas telah diutarakan oleh banyak penyelidik, mereka mendapati program perkembangan staf wujud pelbagai kelemahan dalam pelaksanaan program-program ini. Keadaan ini disifatkan oleh Burrello dan Orbaugh (1982:386) sebagai, “*poor planning and irrelevant inservice program discourage participants. Little or no attention is given to the proses of adult learning or to the transfer of training to the classroom.*”

Sehubungan dengan ini, pengkaji berpendapat perlu meninjau mengenai persepsi para guru sekolah rendah yang sedang mengajar mata pelajaran Sains tahun satu yang telah menghadiri kursus dalam perkhidmatan P&P mata pelajaran Sains dalam bahasa Inggeris pada tahun 2002. Dapatan kajian akan memberi satu petunjuk kepada pihak penganjur

samada kursus sedemikian perlu diubahsuai atau perlu dipertingkatkan mutu kursus dalam perkhidmatan pada masa akan datang.

1.3 Kerangka Teori Latihan dalam Pkhidmatan


Menurut Ramaiah (1999) terdapat garis panduan untuk memastikan pelaksanaan program perkembangan staf berjaya dan efektif. Oleh itu, pengkaji telah memilih model Travers dan Rebore (2000) untuk perbincangan kerangka teori dalam kajian ini. Beliau telah membahagikan model perkembangan staf kepada enam bahagian .

1. **Matlamat dan Objektif Daerah:** Sekolah adalah mengambil berat tentang mendidik murid-murid tentang kemahiran asas dan membangunkan budaya nilai. Sekolah harus menetapkan sendiri matlamat dan objektif berdasarkan situasi tertentu dan seterusnya diharapkan tiada dua program perkembangan staf yang sama dijalankan.
2. **Penilaian Keperluan.** Langkah seterusnya adalah untuk mengenalpasti keperluan untuk setiap staf. Analisa ini penting untuk menentukan sejauh mana ketrampilan para staf dan apakah bentuk program yang sesuai untuk mereka mengikut keperluan masing-masing.
3. **Menetapkan Matlamat dan Objektif Perkembangan staf.** Matlamat dan objektif akan sentiasa berubah mengikut keperluan individu staf di daerah tersebut.
4. **Merekabentuk Program.** Program yang dibentuk adalah berdasarkan sumber kepakaran yang ada di sekitar sekolah. Terdapat 19 pendekatan untuk menyampaikan program perkembangan staf iaitu: kelas dan kursus, institut, persidangan, bengkel, mesyuarat staf, tugas jawatankuasa, pembacaan

profesional, persidangan individu, kajian lapangan, melawat, berkhemah, pengalaman bekerja, pertukaran guru, penyelidikan, penulisan profesional, tugas berkaitan profesional, pengalaman budaya, melawat dan demonstrasi, dan tugas komuniti organisasi.

5. Implimentasi dan Pelan Penyampaian. Langkah ini amatlah dianggap kritikal dalam program perkembangan staf walaupun tujuannya amat murni dan untuk kebaikan para staf. Oleh yang demikian, insentif dan masa yang sesuai untuk pelaksanaan harus diambil kira untuk menjayakannya.
6. Penilaian Program. Langkah ini ialah merupakan penilaian yang berkesan, amat diharapkan untuk menentukan keberkesanan program tersebut. Pendekatan persepsi adalah dianggap sesuai dan berkesan untuk menilai.

Kerangka di atas dapat dilihat dalam rajah 1 berikut:



Rajah 1 : Model Program Perkembangan Staf

(Sumber: Personnel Administration in Education Approach, Rebore R.W. 2000)

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meninjau persepsi para guru sekolah rendah dari daerah Hulu Perak yang telah menghadiri kursus dalam perkhidmatan bagi mata pelajaran sains pada tahun 2002. Aspek yang akan dikaji meliputi : A) tujuan kursus. B) proses perancangann kursus. C) Faedah kursus. D) Kualiti tenaga mengajar. E)Keberkesanan Kaedah dan alat bantu mengajar F) Penilaian kursus G) Perbezaan persepsi dari segi jantina, umur dan bilangan tahun berkhidmat.

1.5 Persoalan Kajian

Secara khusus, kajian ini akan cuba menjawab beberapa soalan mengenai keberkesanan kursus dalam perkhidmatan P& P mata pelajaran sains dalam bahasa Inggeris pada 2002:

1. Sejauh manakah peserta kursus dalam perkhidmatan bagi mata pelajaran Sains dapat memahami tujuan kursus?
2. Sejauh manakah perancangan kursus dalam perkhidmatan bagi mata pelajaran Sains berkesan?
3. Sejauh manakah kandungan kursus dalam perkhidmatan bagi mata pelajaran Sains memberi faedah kepada guru?
4. Adakah tenaga pengajar kursus dalam perkhidmatan bagi mata pelajaran sains mempunyai kepakaran yang berkenaan?
5. Adakah kaedah penyampaian dan penggunaan ABM berkesan untuk kursus dalam perkhidmatan bagi mata pelajaran Sains?

6. Apakah kaedah-kaedah penilaian yang digunakan dalam menilai keberkesanan kursus dalam perkhidmatan bagi mata pelajaran Sains?
7. Adakah terdapat perbezaan persepsi dari segi jantina guru dalam menilai keberkesanan kursus dalam perkhidmatan bagi mata pelajaran Sains?
8. Adakah terdapat perbezaan persepsi dari segi umur dan bilangan tahun berkhidmat guru dalam menilai keberkesanan kursus dalam perkhidmatan bagi mata pelajaran Sains?

1.6 Signifikan Kajian

Kursus dalam perkhidmatan merupakan aspek penting kepada individu, kumpulan atau organisasi. Melalui kursus dalam perkhidmatan kemahiran dan pengetahuan baru boleh diserapkan kepada kakitangan organisasi.

Kursus dalam perkhidmatan adalah perlu untuk para guru supaya kemahiran serta pengetahuan mereka dapat dipertingkatkan. Ini akan meningkatkan kualiti guru dan taraf profesion perguruan.

Dapatan kajian ini diharap akan memberi sumbangan dalam meningkatkan kualiti kursus dalam perkhidmatan yang sedemikian rupa pada masa akan datang. Di samping itu memperbaiki kelemahan yang mungkin wujud semasa kursus dalam perkhidmatan tersebut dijalankan, di samping mengukuhkan kekuatan yang ada.

Memandangkan kursus ini perlu dijalankan untuk membolehkan guru berkenaan yang mengajar dengan cukup keyakinan. Kajian awal ini menunjukkan bidang-bidang atau perkara yang perlu diperbaiki atau diubahsuai untuk menjadi kursus-kursus dalam perkhidmatan pada masa depan lebih berkesan dan memenuhi kehendak peserta.

Oleh kerana kerajaan telah memberikan peruntukan yang banyak untuk dibelanjakan dalam mengendalikan kursus dalam perkhidmatan P & P mata pelajaran Sains dalam bahasa Inggeris di seluruh negara pada 2002, dapatan kajian ini juga akan memberi satu gambaran kepada Kementerian Pendidikan Malaysia tentang keefisyenan dan keefektifan kursus dalam perkhidmatan bagi mata pelajaran Sains ini setimpal dengan perbelanjaan.

Selain daripada itu, dapatan kajian ini juga akan membantu pihak penganjur samada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah merancang kursus dalam perkhidmatan yang lebih berkualiti serta lebih sesuai untuk para guru.

Maklumat daripada kajian ini juga boleh dijadikan asas bagi pengkaji-pengkaji untuk meneruskan kajian yang serupa pada masa akan datang.

1.7 Batasan Kajian

Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi keberkesanan kursus dalam perkhidmatan. Dapatan kajian ini hanya dapat menggambarkan kursus dalam perkhidmatan P& P mata pelajaran sains sekolah rendah sahaja. Ia mungkin tidak sesuai bagi kursus dalam perkhidmatan mata pelajaran yang lain dan tahap yang berbeza.

Di samping itu bilangan sampel kajian hanya terdiri daripada 35 guru sekolah rendah yang telah menghadiri kursus dalam perkhidmatan ini dari daerah Hulu Perak, Perak. Tambahan pula, sampel kajian ini hanya dianggap mewakili populasi guru yang hadir kursus di daerah ini sahaja. Oleh itu, pandangan mereka atau persepsi mereka tidak wajar dianggap mewakili seluruh populasi yang mengikuti kursus dalam perkhidmatan P&P mata pelajaran sains di seluruh negara.

Selain daripada itu, persepsi peserta mungkin berbeza berdasarkan pengalaman mengajar, jantina, dan kategori. Faktor-faktor ini akan menjadi variabel tidak bersandar bagi kajian ini.

1.8 Definisi Istilah

1.8.1 Persepsi : Satu proses di mana seseorang menerima dan menerjemahkan apa yang diterimanya, didengarnya atau dilihatnya kepada tingkahlaku-tingkahlaku atau keputusan-keputusan tertentu (Davis & Newstrom, 1985)

1.8.2 Keberkesanan : sesuatu tindakan yang dijalankan menimbulkan hasil yang diharapkan atau membawa perubahan yang diinginkan oleh pihak penganjur.

1.8.3 Kursus Dalam Perkhidmatan : Aktiviti yang dirancang dan diusahakan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan kakitangan samada secara formal dan tidak

formal. Ia disamaertikan dengan latihan dalam perkhidmatan atau pendidikan dalam perkhidmatan.

1.8.4 Guru Sekolah Rendah : sampel guru sekolah rendah yang telah menghadiri kursus dalam perkhidmatan P & P dalam bahasa Inggeris yang sedang mengajar tahun satu di daerah Hulu Perak, Perak.

1.8.5 Pengajaran Mata Pelajaran Sains Dalam Bahasa Inggeris: Pengajaran mata pelajaran Sains menggunakan bahasa Inggris sebagai bahasa pengantar.